

14/03/2004

BN ulangi sejarah menang tanpa bertanding 21 kerusi

KUALA LUMPUR: Kemenangan 21 kerusi merangkumi 14 kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) oleh Barisan Nasional (BN) pada hari penamaan calon pilihan raya 2004 semalam, mengulangi sejarah pencapaian BN setiap kali negara mendapat Perdana Menteri yang baru.

Tahun ini, BN yang pertama kali di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menghadapi pilihan raya umum sejak dilantik menduduki jawatan itu selepas persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad mulai 1 November 2003.

Pencapaian yang membanggakan itu juga pernah dicatat oleh Dr Mahathir ketika pertama kali mengetuai kerajaan menghadapi pilihan raya pada 1982 apabila BN menang 12 kerusi Parlimen dan 15 kerusi DUN pada hari penamaan calon.

Selepas itu, Dr Mahathir mengetuai BN menghadapi empat pilihan raya iaitu 1986, 1990, 1995 dan 1999 yang menyaksikan jumlah kerusi yang dimenangi tanpa bertanding semakin berkurangan. Pada 1999, BN hanya memenangi satu kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN tanpa bertanding.

Namun, sejarah kemenangan tanpa bertanding paling besar pernah dicatat oleh BN adalah ketika parti itu di bawah kepemimpinan Tun Abdul Razak yang pertama kali mengetuai BN menghadapi pilihan raya pada 1974.

Dalam pilihan raya itu, BN mencatatkan kemenangan tanpa bertanding membabitkan 90 kerusi yang merangkumi 47 kerusi kawasan Parlimen termasuk 15 di Sabah dan 43 kerusi DUN di seluruh Semenanjung.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata BN tidak pernah mengharapkan atau menduga akan mendapat kemenangan tanpa bertanding setiap kali membuat persediaan untuk menghadapi mana-mana pilihan raya.

Katanya, pada tahun ini BN sudah membuat persediaan rapi untuk menghadapi pilihan raya dan kemenangan tanpa bertanding yang diperolehi menjadi petanda baik bahawa BN berupaya menang besar pada pilihan raya kali ini.

"Jentera BN sudah diperkukuhkan dalam usaha mencatatkan kemenangan besar pada pilihan raya ini. Calon pembangkang tidak berkualiti. Malah mereka tidak bersedia dari segi minda dan emosi. Pakatan antara pembangkang juga sudah pecah," katanya ketika meraikan kemenangan tanpa bertanding calon BN, Lee Hwa Beng, di DUN N31 Subang Jaya di Kompleks Kerajaan Daerah Petaling, semalam.

Lee diisytiharkan menang selepas kertas pencalonan calon DAP, KC Cheah, ditolak Pengurus Pilihanraya P104 Kelana Jaya, Mazalan Mohd Noor, yang mendapati Cheah tersenarai sebagai bekas calon yang tidak mengembalikannya penyata perbelanjaan pilihan raya yang disertainya pada 1999.

DUN Subang Jaya terletak dalam kawasan Parlimen P104 Kelana Jaya yang turut menempatkan DUN N32 Seri Setia.

Calon BN Loh Seng Kok akan menentang calon Keadilan, Syed Shahir Syed Mohamud di peringkat Parlimen, manakala Seripah Noli Syed Hussin akan mewakili BN untuk menentang daripada calon Pas, Mastura Muhamad, bagi DUN Seri Setia.

Lee berkata, walaupun sudah menang tanpa bertanding, beliau akan terus bekerja kuat untuk membantu kempen bagi memastikan kemenangan calon BN lain yang menghadapi saingan dalam usaha membantu BN mencapai matlamat pembangkang sifar di Selangor.

"Saya tak sangka akan menang tanpa bertanding kerana bantahan terhadap calon DAP itu bukan dibuat oleh saya atau wakil BN yang lain. Sebaliknya

oleh SPR yang mengesan kesalahan yang dilakukannya.

"Sebenarnya, seluruh jentera BN Kelana Jaya dibawah kepemimpinan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, sudah bersiap sedia untuk berlawan dengan pembangkang kerana kita tidak boleh mengharapkan kemenangan tanpa bertanding semata-mata," katanya.